**SIARAN SERTA MERTA**
***NRES.100-9/1/2 JLD 2 ( 73 )***

KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM

# SIARAN MEDIA

## NRES PERUNTUK RM600,000 PERKASA INFRASTRUKTUR DAN KEMAHIRAN BELIA DI KAMPUNG MURNI A, NABAWAN

---

Inisiatif Kampung Angkat MADANI mencerminkan prinsip Kerajaan Persekutuan bagi memastikan kelangsungan pembangunan negara tidak meminggirkan kawasan desa dan pedalaman. Inisiatif ini bermatlamat untuk mempertingkatkan kemudahan asas serta taraf hidup rakyat secara langsung, nyata dan segera.

Perkara tersebut dinyatakan Menteri Sumber Asli Dan Kelestarian Alam, Datuk Seri Arthur Joseph Kurup ketika menyempurnakan Majlis Penyerahan Kampung Angkat MADANI NRES 2026 bertempat di Kampung Murni A, Nabawan.

Arthur berkata, "Inisiatif Kampung Angkat MADANI dicetuskan oleh Kerajaan MADANI dengan satu prinsip yang jelas iaitu pembangunan negara tidak boleh meninggalkan desa dan kawasan pedalaman. Kemudahan asas dan taraf hidup rakyat di kampung mesti dipertingkatkan secara langsung, nyata dan segera". Beliau turut merakamkan penghargaan kepada kepimpinan kampung dan penduduk Nabawan atas sambutan yang mesra dan sarat dengan nilai kekeluargaan.

NRES telah memperuntukkan sebanyak RM500,000 untuk merealisasikan dua projek utama berasaskan keperluan harian masyarakat setempat merangkumi pembinaan semula dewan komuniti dan naik taraf gelanggang futsal. Penyediaan dewan serba guna yang selesa ini membolehkan komuniti berkumpul, berbincang, meraikan kenduri-kendara serta menganjurkan pelbagai aktiviti kemasyarakatan. Manakala penyediaan gelanggang futsal yang lengkap dan selamat pula bertujuan menggalakkan gaya hidup aktif dan sihat dalam kalangan belia. Kemudahan ini diharap dapat menghindarkan golongan muda daripada gejala sosial di samping menjadi platform untuk mengasah bakat sukan tempatan.

Seiring dengan pembangunan fizikal, NRES turut memberi penekanan kepada pembangunan modal insan melalui inisiatif TVET On-The-Job Training (TVET-OTJT) dengan peruntukan sebanyak RM100,000. Melalui kerjasama strategik bersama GIATMARA Keningau, golongan belia di Kampung Murni A telah diberikan latihan amali dan kemahiran teknikal yang membolehkan mereka berjaya memasang 25 buah tiang lampu solar di laluan-laluan strategik sekitar kampung.

Langkah ini bukan sahaja membantu menerangkan laluan kampung pada waktu malam bagi menjamin keselamatan penduduk terutamanya wanita dan kanak-kanak, malah ia turut menjimatkan kos tenaga serta mesra alam selaras dengan agenda kelestarian NRES. Lebih bermakna, golongan belia kampung ini kini dibekalkan dengan sijil dan kemahiran teknikal dalam bidang tenaga boleh baharu (solar) yang berpotensi membuka peluang kerjaya pada masa hadapan.

Dalam pada itu, Arthur mengingatkan seluruh warga kampung bahawa kemudahan yang disediakan kini merupakan hak milik bersama dan perlu dijaga dengan sebaik-baiknya. Beliau percaya kemudahan ini akan menyuburkan semangat gotong-royong, memperkukuhkan perpaduan dan membina generasi muda yang sihat dan berdaya saing. Pihak Kementerian menzahirkan komitmen berterusan untuk mendampingi dan mendengar denyut nadi rakyat di Nabawan serta di seluruh pelosok Sabah.

**KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)**
**7 NOVEMBER 2026**

MALAYSIA MADANI